MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 2/2015
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh	**:**	**18 – 19 Ogos 2015**
Masa	**:**	**8.00 pagi – 5.00 petang**
Tempat	**:**	**Bilik Gerakan, Kementerian Sumber Manusia**
Pengerusi	**:**	**En. Zaihan bin Sukri**
Kehadiran	**:**	**Seperti di Lampiran A**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah bagi memperingati Allahyarhamah Wan Abqariah binti Wan Abdullah, pegawai JTM yang terlibat dengan kemalangan maut pada Aidilfitri yang lepas.

Makluman

1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa beliau akan mempengerusikan mesyuarat kali ini kerana Timbalan Ketua Pengarah terlibat dengan delegasi Malaysia ke *World Skill Competition* di Sau Paulo, Brazil.

Makluman

1.3 Pengerusi memaklumkan **ILJTM sedang dalam proses audit *star rating*** dan memohon agar **semua institut yang terlibat bersedia kerana kriteria dan semakan pada kali ini adalah lebih terperinci.**

Tindakan: P(ILJTM) terlibat

1.4 Mesyarat dimaklumkan terdapat institut yang mendapat teguran berkaitan **kebenaran JPK untuk membuat iklan tawaran kemasukan ke ILJTM sewaktu audit *star rating*** yang lepas. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju untuk **memanjangkan isu ini ke dalam Mesyuarat Pengambilan pada 23 Ogos 2015**.

Tindakan: P(PL)

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2015

2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2015 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2015

3.1 PP(KT) membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2015 seperti di **Lampiran 1.**

Makluman

4.0 LAPORAN STATISTIK PELAJAR GAGAL, TANGGUH DAN BERHENTI BAGI PELAJAR SESI KELUARAN 2/2014

4.1 KPP(KT) membentangkan Laporan Statistik Pelajar Gagal, Tangguh, dan Berhenti bagi pelajar sesi keluaran 2/2014 seperti di **Lampiran 2.**

Makluman

4.2 Bagi statistik pelajar tangguh, adalah disarankan agar **jumlah pelajar yang tangguh disebabkan Latihan Industri dimasukkan pada Ulang Modul, kerana Sistem Latihan dan Penilaian ILJTM tidak membenarkan pelajar mengulang Latihan Industri.**

Tindakan: Urusetia

4.3 Mesyuarat dimaklumkan jumlah **pelajar berhenti atas alasan tidak berminat adalah terlalu ramai,** terutama selepas Jabatan memutuskan penalti bagi pelajar berhenti dimansuhkan.

Pengerusi meminta **BPL melaksanakan bengkel perbincangan untuk mengatasi masalah ini. Mesyuarat turut bersetuju kertas soal selidik ringkas disediakan untuk diedarkan kepada pelajar yang mohon berhenti.**

Tindakan : P(PL)

4.4 Pengerusi meminta **statistik pelajar gagal, tangguh, dan berhenti dibentangkan dalam mesyuarat untuk mengenal pasti trend dan analisa dibuat bagi mengatasi masalah ini.**

Tindakan : P(KT)

5.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN 1/2015

5.1 PP(KT) membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran 1/2015 seperti di **Lampiran 3.**

Makluman

5.2 Mesyuarat dimaklumkan masalah dan **isu-isu berkaitan TMS telah dikumpulkan dan dimaklumkan kepada Pusat Data TMS untuk tindakan selanjutnya. Kerja-kerja penyelenggaraan sistem akan dibuat setelah proses perolehan diluluskan.**

Tindakan: KPP(CTM)

5.3 KPP(KT) memaklumkan **kesilapan dalam mengisi RPK pada portfolio calon adalah isu yang sering dilaporkan.** Beliau memaklumkan **memo panduan pengisian RPK telah dikeluarkan kepada semua ILJTM dan menyarankan agar panduan tersebut digunapakai untuk mengelak kesilapan yang sama berlaku**.

Tindakan: Semua P(ILJTM)

6.0 LAPORAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR JTM

6.1 PP(KT) membentangkan Laporan Pelaksanaan Peperiksaan Akhir ILJTM seperti di **Lampiran 4.**

Makluman

7.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 1/2015 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

7.1 Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Automotif membentangkan Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir sesi 1/2015 seperti di **Lampiran 5.**

Makluman

7.2 P(ADTEC Kemaman) memaklumkan bahawa **ADTEC Kemaman kekurangan tenaga pakar dalam bidang automotif dan memohon agar pengajar dihantar berkursus untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang tersebut**.

P(ADTEC Melaka) menyatakan akan mengadakan satu program kerjasama di antara JICA dan COSE (Automotif). Sehubungan dengan itu, **pengajar dari ILJTM yang lain akan turut sama dijemput mengikuti program tersebut dan penyertaan adalah terhad kepada kuota yang disediakan.**

Tindakan: P (ADTEC Melaka)

7.3 Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan membentangkan Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir sesi 1/2015 seperti di **Lampiran 6.**

Makluman

7.4 Mesyuarat dimaklumkan oleh P(ILP Pasir Gudang) bahawa terdapat **kerosakan mesin di bengkel Teknologi Kimpalan** yang mengganggu proses pembelajaran dan pengajaran. Oleh yang demikian, **dimohon agar sewaan mesin dapat dibuat untuk mengatasi masalah ini.**

Tindakan: P(PK)

7.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa ***Welding Procedure Specification (WPS)* telah dibangunkan untuk digunapakai dalam latihan di semua ILJTM**. Sehubungan dengan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan menyarankan **semua ILJTM memastikan agar latihan dijalankan merujuk kepada WPS sedia ada.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

7.6 Mesyuarat bersetuju**, PPL yang akan membuat lawatan verifikasi bagi bidang Kimpalan akan fokus pada Kursus Teknologi Kimpalan** sahaja bermula pada Sesi Julai 2015.

Tindakan : P(KT)

7.7 Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan mencadangkan kepada semua **Pengarah ILJTM yang menjalankan kursus Teknologi Kimpalan mengadakan perbincangan dan membuat analisis untuk menambahbaik pelaksanaan latihan di institut masing-masing**.

Tindakan: P(ILJTM) yang berkenaan

7.8 Urusetia Jawatankuasa Kepakaran Elektrik (ST) membentangkan Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Sesi 1/2015 seperti di **Lampiran 7.**

Makluman

7.9 Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak Suruhanjaya Tenaga telah menetapkan **syarat kelayakan bagi mengikuti Kursus PW4** seperti berikut:

TEMPOH LATIHAN	SYARAT KELAYAKAN
2 tahun	Lulus SPM dengan minimum 3 kredit
3 tahun	Tamat Tingkatan Lima

Oleh yang demikian, **tiga institut (ILP Kuantan, ILP Kuala Lumpur dan ILP Pasir Gudang) yang telah menjalankan latihan Kursus PW4 dengan tempoh latihan 2 tahun, perlu memenuhi syarat kelayakan baharu bagi pengambilan pelajar sesi Januari 2016. Sekiranya syarat kelayakan minimum tiga kredit dalam SPM tidak dipenuhi, tempoh latihan untuk kursus ini perlu dipinda kepada 3 tahun.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

7.10 Mesyuarat **bersetuju bagi iklan pengambilan pelajar kursus PW4 kemasukan Januari 2016 di ILP Kuala Lumpur, ILP Kuantan dan ILP Pasir Gudang, tempoh latihan baharu dikekalkan selama 2 tahun dengan menggunapakai syarat kelayakan yang ditetapkan. Namun sekiranya kursus ini tidak mendapat sambutan, tempoh latihan ini akan dikaji semula.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

7.11 Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara membentangkan Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir sesi 1/2015 seperti di **Lampiran 8.**

Makluman

7.12 Jawatankuasa Kepakaran Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara mencadangkan untuk **mengadakan kursus kepada pengajar Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara untuk pelaksanaan Projek Tahun Akhir.**

Tindakan: JK Kepakaran Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara

7.13 Mesyuarat dimaklumkan pelaksanaan kursus peperiksaan persijilan profesional bagi bidang Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara adalah dilaksanakan kepada pelajar semester 4.

Makluman

7.14 Mesyuarat turut dimaklumkan Jabatan Alam Sekitar belum lagi mewartakan arahan supaya semua personel bagi syarikat pemasangan alat pendingin hawa untuk memiliki Sijil RSS.

Makluman

7.15 Ahli Jawatankuasa Kepakaran Subjek Umum (Bahasa Inggeris) membentangkan Laporan JTM *English Placement Test* (JEPT) bagi sesi 1/2015 seperti di **Lampiran 9.**

Makluman

7.16 Mesyuarat mencadangkan agar JEPT turut dilaksanakan di kalangan pelajar semester dua pada sesi akan datang. Walau bagaimanapun, KPP(KT) menyarankan agar pelaksanaan JEPT dikekalkan di kalangan pelajar semester satu sahaja buat masa ini bagi mengukuhkan pelaksanaannya.

Makluman

7.17 Mesyuarat bersetuju **silibus baharu Bahasa Inggeris Semester 1 perlu disemak semula kerana tiada elemen *Grammar*.**

Tindakan: P(KT)

8.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

8.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 1/2015 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 10.**

Makluman

9.0 PEMBENTANGAN PANDUAN SISTEM LATIHAN DAN PENILAIAN ILJTM

9.1 KPP(KT) membentangkan Panduan Sistem Latihan dan Penilaian ILJTM bagi Aliran Kemahiran kepada ahli mesyuarat seperti di **Lampiran 11**.

Makluman

9.2 KPP (KT) menerangkan **modul kokurikulum adalah modul Hadir Wajib yang mana pelajar wajib lulus dan tidak boleh mengulang. Syarat baru untuk lulus Kokurikulum adalah kehadiran tidak kurang dari 80 peratus. Kokurikulum tiada nilai kredit, tidak dikira di dalam kredit graduasi dan CGPA.**

Walau bagaimanapun, mesyuarat mencadangkan syarat ini dilonggarkan untuk memberi peluang kepada pelajar. Mesyuarat bersetuju **pelajar yang Gagal di dalam ko-kurikulum dibenarkan mengulang dalam tempoh latihan.**

Tindakan : P(KT)

10.0 HAL-HAL LAIN

10.1 Mesyuarat bersetuju **jumlah pelajar bagi sesi keluaran 1/2015 mengambilkira pelajar yang tamat Latihan Industri pada Mac 2015. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pewartaan keputusan dan indeks no. siri sijil dikekalkan sebagai sesi keluaran 2/2014.**

Tindakan: P (KT)

10.2 Mesyuarat bersetuju supaya **jumlah pelajar yang mengikuti Kursus Jangka Panjang secara sepenuh masa seperti program INSTEP, ST dan EIU diambil kira sebagai enrolmen jabatan dan dibentangkan di dalam MJPP.**

Mesyuarat juga bersetuju cadangan untuk mempelawa pelajar yang terlibat ke Majlis Konvokesyen ILJTM dipanjangkan ke dalam Mesyuarat Pengambilan.

Tindakan: P(KT) dan P(PL)

10.3 Mesyuarat dimaklumkan **senarai perubahan nama kursus telah diedarkan ke semua ILJTM dan berkuatkuasa Julai 2015.** Sehubungan itu, **perubahan nama kursus ini tergunapakai di dalam surat tawaran pelajar kemasukan Julai 2015. Pihak institut dikehendaki mengeluarkan surat tawaran yang baharu sekiranya surat tawaran sedia ada menggunakan nama kursus yang lama.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

10.4 P(ILP Kota Bharu) memaklumkan ILP Kota Bharu **menerima pelajar dari Anjung ILP Muadzam yang menyambung latihan ke Tahap 3.** Walau bagaimanapun, **terdapat masalah dalam mendaftarkan pelajar di TMS kerana sistem tersebut tidak membenarkan mobiliti pelajar.** Pengerusi menyarankan agar semua ILJTM yang mengalami masalah ini untuk **membuat pendaftaran secara manual sehingga kemudahan TMS diperbaiki.**

KPP(KT) memaklumkan Anjung ILP Muadzam perlu menghantar keputusan semester 1 dan 2 bagi pelajar Automotif dan Kimpalan kepada ILP yang menerima pelajar tersebut.

Tindakan : P (ILJTM) yang berkenaan

10.5 Mesyuarat ambil maklum **bagi pelajar yang berhenti atau diberhentikan, Sistem Admin TMS institut perlu membuat *Withdraw Not Complete* untuk memastikan nama pelajar tersebut masih tersenarai di dalam SPC05 dan SPC06.**

Tindakan : Semua P(ILJTM)

10.6 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak **JPK telah memberi kelulusan kepada JTM untuk membuat pemetaan silibus sedia ada mengikut NOSS baru. Sehubungan dengan itu, WIM yang dibangunkan adalah mengikut silibus JTM**. Walau bagaimanapun terdapat **beberapa ILJTM yang dianugerahkan pentauliahan secara bersyarat kerana tidak menyediakan WIM yang mencukupi untuk semua CU di dalam CoCU.**

KPP(KT) memaklumkan pihak ibu pejabat akan berbincang secara terus dengan pihak JPK bagi menyelesaikan isu ini.

Tindakan: P(KT)

10.7 Mesyuarat dimaklumkan JPK belum menawarkan program Pentauliahan Induk kepada JTM selagi pentauliahan induk bagi beberapa agensi rintis belum diselesaikan.

Makluman

10.8 P(PP) mencadangkan **semua ILJTM menggunapakai Buku Kerjaya Pelajar** bagi menarik minat dan membina jati diri pelajar sebagai salah satu langkah mengatasi masalah pelajar berhenti.

Tindakan : Semua P(ILJTM)

10.9 Mesyuarat juga **mencadangkan borang perjanjian yang telah dimansuhkan diwujudkan semula** bagi mengelakkan pelajar berhenti sewenang-wenangnya.

Tindakan : P(PL)

10.10 Mesyuarat dimaklumkan jabatan masih menunggu arahan bertulis dari pihak BPTV bagi Pentauliahan Program dan pendaftaran pelajar KV Tahap 4 secara Single Tier.

Makluman

10.11 Mesyuarat dimaklumkan buat masa ini, **pengisian markah bagi program NOSS baharu akan menggunakan borang T1003 secara manual**. Walau bagaimanapun, pihak institut **perlu menyimpan markah mengikut CU sekiranya terdapat sebarang pindaan arahan daripada JPK.**

Tindakan : Semua P(ILJTM)

10.12 Mesyuarat dimaklumkan permohonan penangguhan pendaftaran pelajar sesi 2/2015 adalah untuk memberi laluan kepada proses pentauliahan program NOSS baharu.

Makluman

10.13 Mesyuarat dimaklumkan **permohonan perolehan aset (buku rujukan) akan diangkat bagi kelulusan KSU selepas KSU pulang dari *World Skill Competition* di Sau Paulo yang dijangka memakan masa selama dua minggu. Sehubungan itu, mana-mana institut yang membuat perolehan kurang RM50,000.00 boleh membuat perolehan secara terus. Bagi perolehan melebihi amaun tersebut perlu melalui Bahagian Perolehan Ibu Pejabat.**

Tindakan: P(PK)

10.14 P(PK) memohon **mana-mana institut yang tidak dapat membuat urusan perolehan atas faktor masa, memaklumkan awal perkara ini untuk membatalkan proses sebutharga tersebut.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

10.15 P(PK) juga memaklumkan **Bahagian Pembangunan Kemahiran akan mengusahakan agar peruntukan buku rujukan dapat dibuat setiap tahun.**

Tindakan : P(PK)

10.16 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pembayaran bagi program Double Shift akan dikaji semula berdasarkan bilangan pelajar yang mendaftar. Berkemungkinan peruntukan bagi bilangan pelajar yang tidak mendaftar akan ditarik balik.

Makluman

11.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

1. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI
   P (JMTI) - PENGERUSI MESYUARAT

2. TN. HJ NORMAN BIN KUSIN
   P (PK)

3. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI
   P (KT)

4. PN. FAIZAH BINTI HARUN
   P (PP)

5. EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD
   PENGARAH ADTEC MELAKA

6. EN. ZURAKA BIN YUSOF
   PENGARAH ADTEC SHAH ALAM

7. IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM
   PENGARAH ADTEC TAIPING

8. TN. HJ MANOJ BIN JUMIDALI
   PENGARAH ADTEC BATU PAHAT

9. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN
   PENGARAH ADTEC KEMAMAN

10. TN. HJ. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI
    PENGARAH ADTEC JERANTUT

11. EN. KAMARUZAMAN BIN MAT ALI
    PENGARAH ILP KUALA LUMPUR

12. EN. AHMAD NAZRI BIN ZAINOL
    TIMBALAN PENGARAH ADTEC KULIM

13. EN. MOHD NUZI BIN YAACOB
    TIMBALAN PENGARAH ADTEC KEMAMAN

14. EN. ZAINUDDIN BIN AHMAD
    PENGARAH ILP KOTA BHARU

15. EN. AZMAN BIN HJ IBRAHIM
    PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL

16. EN. SARMAN BIN HJ RAWAN
    PENGARAH ILP PASIR GUDANG

17. EN. SUAIBUNAHA BIN JUSOH
    PENGARAH ILP KUANTAN

18. EN. KAMARULZAMAN BIN CHU ABDUL RANI
    PENGARAH ILP KUALA LANGAT

19. EN. MOHD SUKIMI BIN MAT SALLEH
    PENGARAH ILP JITRA

20. EN. AWG YUSOG BIN AWG DAMIT
    WAKIL PENGARAH ILP SANDAKAN

21. EN. ZULKIFLE BIN OMAR
    PENGARAH ILP MARANG

22. EN. ZAMZURI BIN HASSAN
    PENGARAH ILP KEPALA BATAS

23. EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID
    PENGARAH ILP SELANDAR

24. EN. JAMIL BIN YAHAYA
    PENGARAH ILP IPOH

25. EN. ADNAN BIN ISMAIL
    WAKIL PENGARAH ILP PERAI

26. EN. SHAHRULL NIZAM BIN PERDAN
    PENGARAH ILP LABUAN

27. CIK JUNITA BT. MOHAMED ALI
    PENGARAH ILP MERSING

28. EN. A. RAHMAD NGAH
    PENGARAH ILP BUKIT KATIL

29. EN. ZAKIR BIN MAHMUD
    PENGARAH KOTA SAMARAHAN

30. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF
    PENGARAH ILP PEDAS

31. EN. MUSTAL BIN MAKMUD
    PENGARAH ILP KOTA KINABALU

32. EN. MUHAMAD NASIR BIN SAMAT
    PENGARAH ILP KANGAR

33. EN. MOHAMMAD MUSA BIN AHMAD
    PENGARAH ILP LEDANG

34. PN. NORLELA BT MUSTAFFA
    TIMBALAN PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU

35. PN. ROSNAH BINTI MUHAMAD TAHIR
    PENGARAH ILP MIRI

36. EN. NOOR FAIZULNIZAM BIN JAAFAR
    WAKIL ADTEC BINTULU

37. EN. SANJAY A/L VENGATRAVANA
    JAWATANKUASA KEPAKARAN BAHASA INGGERIS

38. EN. MAHADI BIN HAMZAH
    PP(PL)

URUS SETIA

1. EN. NORHASNI BIN DAKIE
   PP (KT)

2. PN. NORPISAH BINTI JUMIN
   PP (KT)

3. NURUL AZREEN BINTI AZIZ
   PP (KT)

4. PN. NORALIZA BT MUHAMAD
   PPP (KT)

Disediakan oleh:
Bahagian Kawalan Teknikal
Jabatan Tenaga Manusia